WONG FOOK & SATU LAGI

lwn.

ABDUL SHUKUR ABDUL HALIM & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. 2210 TAHUN 1985]
4 JULAI 1990

TORT: *Kecuaian - Liabiliti pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan - Imbangan kebarangkalian - Hak penumpang mendapat ganti rugi jika pemandu cuai - Penumpang tidak memakai tali keledar - Saksi pakar - Gantirugi am - Ganti rugi khas - Kematian plaintif - Award bagi kehilangan pendapatan masa depan - Kos penjagaan rawatan masa depan - Kesakitan dan kesengsaraan - Kehilangan ameniti.*

Plaintif pertama dan kedua adalah penumpang dalam sebuah kereta yang dipandu oleh pihak ketiga, Wong Piang Loy, semasa satu kemalangan berlaku antara kereta tersebut dengan van yang dipandu oleh defendan. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ialah liabiliti di antara ketiga-tiga pihak, ganti rugi am dan ganti rugi khas untuk plaintif kedua.

Memandangkan dua versi yang bercanggah tentang bagaimana kemalangan itu berlaku, Mahkamah telah merujuk kepada rajah kasar, kerosakan kepada dua-dua kenderaan dan gambar-gambar berkenaan.

Diputuskan:

[1] Cerita pihak ketiga patut diterima, yang mana menunjukkan bahawa pihak yang cuai adalah defendan; rajah kasar dan gambar-gambar kerosakan kedua-dua kenderaan menyokong dengan yakin cerita pihak ketiga.

[2] Kenyataan defendan mengenai bagaimana kemalangan itu berlaku tidak dapat diterima.

[3] Mahkamah mendapati adalah jelas bahawa defendan tidak berhenti langsung di simpang dan tidak sedar tentang kedatangan kereta pihak ketiga, dan inilah yang telah menyebabkan kemalangan.

[4] Di atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah berpendapat bahawa defendan bertanggungjawab seratus peratus di atas kemalangan itu.

[5] Penumpang sebuah kereta berhak mendapatkan ganti rugi seratus peratus tidak kira sama ada pemandu kereta yang ditumpanginya atau pemandu kereta yang melanggar kereta yang ditumpanginya didapati cuai.

[Perintah sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:

Tan Teck Chye lwn. Chia Hee Sieng [1988] 2 MLJ xxvi
Au Kee Tuang lwn. Lightweight Concrete Pte. Ltd. [1984] 2 MLJ xxix
Abdul Rahim bin Ismail lwn. Tam Tuck Meng & Anor. [1986] 2 MLJ cclviii
Abdullah bin Mat Noor lwn. Husin bin Saat & Anor. [1988] 2 MLJ xxviii
Siti Rahmah binti Ibrahim lwn. Marappan a/l Nallan Koundar & Anor. [1989] 2 CLJ (Rep) 481
Froom & Ors. lwn. Butcher [1975] 3 All ER 520
Capps lwn Miller [1989] 2 All ER 333
Mohamed Repin lwn. Lim Yu Kee [1969] 1 MLJ 64
Ong Sim Moy & Ors. lwn. Ong Sim Hoe [1969] 1 MLJ 82
Housecroft lwn. Burnett [1986] 1 All ER 332

Mohamed Fami Hassan lwn Swissco Pte. Ltd. & Government of the Republic of Iraqi [Iraqi State Enterprise For Maritime Transport] Third Party [1986] 1 MLJ 461
Graham lwn. Dodds [1983] 1 WLR 808
Lai Wee Lian lwn. Singapore Bus Service [1978] Ltd. [1984] 1 MLJ 325
Low Kok Tong lwn. Teo Chan Pan [1982] 2 MLJ 299
Marappan & Anor. lwn Siti Rahmah binti Ibrahim [1990] 1 CLJ (Rep) 174

Bagi Pihak plaintif-plaintif dan Pihak Ketiga - David Tay; T/n. Murphy & Dunbar
Bagi Pihak defendan - Manjeet Singh Dhillon; T/n. Manjeet Singh Dhillon

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Plaintif pertama dan plaintif kedua adalah penumpang dalam kereta No. WT 9876 yang dipandu oleh pihak ketiga semasa kereta tersebut terlibat dalam kemalangan pada 4 April 1984 jam lebih kurang 6 petang berhampiran dengan Felda Sungai Klah di jalan raya Bidor ke Kuala Lumpur. Kereta mereka telah dilanggar oleh van No. AAX 2991 yang dipandu oleh defendan yang keluar dari jalan Felda Sungai Klah.

Sebelum perbicaraan dimulakan, kedua-dua peguam bersetuju mengenai gantirugi khas sebanyak RM100 untuk butiran 1 dan RM25 untuk butiran 2, dan gantirugi am sebanyak RM8,500, untuk plaintif pertama. Bagi plaintif kedua, persetujuan telah dirakamkan untuk gantirugi khas butiran 1 RM500 butiran 2 RM1,300, butiran 3 RM40, butiran 5 RM783, butiran 6 ditarikbalik, butiran 7 RM1,010, butiran 8 RM250 sebulan dan butiran 9 RM110 sebulan. Oleh itu, isu-isu yang tinggal di hadapan Mahkamah ialah soal liabiliti di antara ketiga-tiga pihak, soal gantirugi am untuk plaintif kedua dan soal gantirugi khas bagi plaintif kedua tentang butiran 4 mengenai kehilangan pendapatan dan pengiraan berkalinya, butiran 8 mengenai pengiraan berkali kos penjagaan rawatan dan butiran 9 mengenai pengiraan berkali belanja bulanan keperluan bilik air, ubat-ubat dan penyenggaraan kerusi roda.

Mula-mula, saya akan bincangkan mengenai soal liabiliti. Pihak ketiga (PW5) iaitu pemandu kereta WT 9876 telah memberi keterangan bahawa ada lima penumpang di dalam keretanya di masa kemalangan iaitu adiknya plaintif kedua di sebelah kirinya, ayahnya plaintif pertama di belakangnya, isteri plaintif kedua di belakang plaintif kedua dan dua orang anak PW5 berumur tiga dan lapan tahun di sebelah tengah kerusi belakang. Beliau memberitahu Mahkamah bahawa semasa keretanya berada lebih kurang seratus kaki dari simpang jalan kecil sebelah kiri, van defendan berada di jalan kecil tiga puluh kaki dari jalan besar menuju ke simpang tersebut. PW5 telah membunyikan hon kereta tetapi van tersebut tidak berhenti di simpang dan terus berlanggar bahagian belakang sebelah tepi kiri kereta PW5.

Berikutan dengan itu, PW5 telah hilang pengawasan keretanya yang telah terus ketepi jalan dan terbalik dengan keempat-empat rodanya ke atas. PW5 telah menarik ayahnya keluar dan setelah mendapati adiknya masih tidak keluar, beliau telah menghampirinya, membuka tali keledarnya dan menariknya keluar dalam keadaan plaintif kedua tidak sedarkan diri. PW5 juga telah menambah kata bahawa sebelum plaintif kedua ditarik keluar, kepalanya telah tersentuh bumbung kereta yang telah terbalik. Semasa menjawab pemeriksaan-balas, PW5 telah menafikan bahawa kemalangan telah berlaku di jalan raya disebabkan kereta PW5 dalam keadaan hendak memotong van semasa berjalan laju tetapi terpaksa membelok ke kiri dan melanggar van tersebut kerana ada sebuah lori datang dari hadapan.

Cerita defendan (DW4) pula ialah dia telah memberhentikan van dia di simpang jalan kecil sebelum memasuki jalan besar untuk melihat kiri dan kanan selama tiga minit sebelum memberi isyarat lampu untuk memotong ke kiri menuju ke Kuala Lumpur. Dari arah kiri ke kanan, DW4

dapat lihat sejauh satu kilometer tetapi tidak nampak apa-apa kenderaan. Setelah beliau memasuki jalan raya, tiba-tiba kereta dari belakang telah memotongnya dan mengesel sebelah kanan van di lampu isyarat kerana hendak mengelak kereta dari arah hadapan dan selepas itu kereta yang memotong itu telah terbabas ke sebelah kiri jalan. Bila ditanya mengapa beliau berhenti sehingga tiga minit jika tiada kenderaan menghampiri dari kiri dan kanan sejauh satu kilometer, DW4 telah menjawab bahawa ini adalah kerana beliau memang kebiasaannya menunggu lama di simpang sebelum keluar ke jalan raya dan tambah lagi beliau menganggap situasi masa itu berbahaya kerana hujan baharu berhenti.

Dengan dua versi yang bercanggah, Mahkamah terpaksa merujuk kepada rajah kasar, kerosakan kepada kedua-dua kenderaan dan gambar-gambar berkenaan. Dalam keadaan demikian, setelah menimbang kesemua faktor dengan teliti, saya berpendapat bahawa cerita pihak ketiga patut diterima berdasarkan beberapa sebab. Satu daripadanya ialah memang pihak ketiga telah nampak van defendan semasa menghampiri simpang berkenaan dan beliau telah menyangka bahawa tentu sekali defendan akan berhenti di simpang. Oleh itu, pihak ketiga hanya telah membunyikan hon sahaja dan meneruskan perjalanannya. Yang menjadi pelik ialah defendan telah menyatakan beliau telah berhenti di simpang tersebut selama tiga minit tetapi tidak melihat apa-apa kenderaan semasa menoleh ke kiri dan ke kanan. Mengapa beliau berhenti begitu lama jika tiada kenderaan dari kedua-dua arah menghampiri simpang tidak pula dijelaskan oleh defendan melainkan beliau menyatakan memang resminya berbuat demikian dan juga bahawa keadaan masa itu berbahaya oleh kerana hujan baharu berhenti.

Satu lagi faktor ialah defendan telah menyatakan bahawa beliau telah ada di jalan raya selama dua minit sebelum kemalangan dan hanya pada masa vannya digesel baharulah beliau sedar dengan adanya kereta pihak ketiga. Juga defendan telah melihat kereta dari hadapan sejauh tiga rantai apabila mula-mula masuk ke jalan raya. Saya tidak dapat menerima kenyataan defendan dalam hal demikian oleh kerana jika beliau telah melihat kereta dari arah Kuala Lumpur tiga rantai jauh seelok sahaja beliau masuk ke jalan raya dan dua minit kemudian, semasa kereta pihak ketiga mengeselnya baharulah beliau sedar akan kehadiran kereta pihak ketiga, tentu sekali beliau dapat melihat kereta dari Kuala Lumpur dan kereta pihak ketiga dari Bidor semasa beliau berhenti selama tiga minit di simpang kerana beliau dapat melihat sejauh satu kilometer dari kedua-dua arah. Adalah jelas defendan tidak berhenti langsung di simpang dan tidak sedar atas kedatangan kereta pihak ketiga dari arah Bidor dan inilah yang telah menyebabkan kemalangan. Rajah kasar dan gambar-gambar kerosakan kedua-dua kenderaan menyokong dengan yakin cerita pihak ketiga dan dengan penjelasan yang kurang sempurna dari pihak defendan, di atas imbangan kebarangkalian, saya berpendapat bahawa defendanlah yang bertanggungjawab seratus peratus di atas kemalangan itu.

Situasi kes ini adalah hampir serupa dengan fakta-fakta kes *Mohamed Repin lwn. Lim Yu Kee* [1969] 1 MLJ 64 di mana Mahkamah telah berpendapat bahawa kenderaan yang datang dari jalan simpangan yang mempunyai tanda isyarat berhenti menuju ke jalan raya adalah sepenuhnya bertanggungjawab jika berlanggar dengan kenderaan yang berada di jalan raya oleh kerana sungguhpun pemandu kenderaan yang berada di jalan raya telah melihat kenderaan dari jalan simpangan, beliau bolehlah mengambil anggapan bahawa kereta dari jalan simpangan akan berhenti di tanda isyarat berhenti. Prinsip yang sama telah juga dinyatakan dan diterima dalam *Ong Sim Moy & Ors. lwn. Ong Sim Hoe* [1969] 1 MLJ 82.

Peguam yang bijaksana bagi pihak defendan telah menyarankan dalam hujah-hujah bertulisnya bahawa liabiliti defendan hendaklah diturunkan disebabkan kecuaian sertaan plaintif kedua yang telah tidak memakai tali pinggang keledar atau telah tidak memakainya dengan sempurna dan juga telah tidak memberi keterangan. Beliau telah merujuk kepada kes *Froom & Ors.*

lwn. Butcher [1975] 3 All ER 520 di mana Mahkamah telah memutuskan bahawa jika tali pinggang keledar tidak dipakai dan ini telah menyebabkan kecederaan yang lebih, maka liabiliti di antara lima belas hingga dua puluh lima peratus sepatutnya dipotong. Dalam kes ini, peguam defendan telah menyatakan bahawa oleh kerana plaintif kedua tidak memberi keterangan, liabiliti hendaklah lebih dari dua puluh lima peratus terhadapnya dan oleh kerana memakai tali pinggang keledar adalah satu kehendak undang-undang, liabiliti plaintif kedua hendaklah menjadi seratus peratus terhadapnya.

Saya tidak dapat menerima saranan ini oleh kerana jelas dari keterangan pihak ketiga bahawa plaintif kedua memang telah memakai tali pinggang keledar di waktu kemalangan. Keterangan ini tidak dapat dipertikaikan oleh pihak defendan tanpa keterangan sebaliknya yang nyata. Lagipun, mungkin kekurangan liabiliti jika tidak memakai tali pinggang keledar boleh dipertimbangkan jika yang tidak memakai tali pinggang keledar itu pemandu, yang terlibat dengan soal kecuaian, tetapi penumpang, seperti plaintif kedua, berhak mendapat gantirugi tidak kira sama ada pemandu kereta yang ditumpanginya atau pemandu kereta yang melanggar kereta yang ditumpanginya didapati cuai oleh Mahkamah. Dengan itu, saya berpendapat bahawa tiada apa-apa pengurangan liabiliti harus dilakukan terhadap defendan tambah-tambah lagi selepas Mahkamah telah menerima fakta bahawa plaintif kedua memang sedang memakai tali pinggang keledar di waktu kemalangan berlaku.

Pihak defendan juga memanggil tiga orang saksi yang dipanggil pakar tali pinggang keledar iaitu Pegawai Penyelidik SIRIM (DW1), Pengurus Jualan Brimal Holdings (DW2) dan Eksekutif Pengawalan Kualiti Brimal Holdings (DW3) mungkin dengan tujuan untuk Menunjukkn bahawa plaintif kedua tidak akan cedera sebegitu teruk jika beliau memakai tali pinggang keledar dengan sempurna. Keterangan DW1 ialah, untuk tali pinggang keledar seperti di dalam kereta pihak ketiga, pihak SIRIM menjalankan ujian prestasi dengan menggunakan patung di atas kerusi kereta yang diletak di atas konveyor dan ditarik oleh puli dengan kelajuan dua puluh kilometer satu jam dan dengan membuat pemberhentian terkejut. Ujian tersebut bukanlah ujian tempohan (impact) tetapi ujian pemberhentian terkejut sahaja semasa patung ke hadapan dan bukan ke belakang atau ke atas seperti bila kenderaan terbalik. Menurut DW1, ujian menunjukkan pergerakan sebanyak dua inci sahaja ketika dilakukan pemberhentian terkejut. Dalam keadaan demikian, saya berpendapat keterangan DW1 tidaklah dapat membantu Mahkamah tentang takat pergerakan seseorang yang memakai tali pinggang keledar statik jika keretanya terbalik seperti di dalam kes ini.

Seterusnya, pandangan Mahkamah ialah jika tujuan peguam bijaksana bagi pihak defendan ialah untuk membuktikan bahawa plaintif kedua tidak memakai tali pinggang keledar langsung atau tidak memakainya dengan sempurna semasa kemalangan berlaku dan oleh sebab itulah kepalanya telah terkena bumbung kereta pihak ketiga semasa kereta tersebut terbalik, dengan memanggil DW1 tidak mendatangkan apa-apa kesan oleh kerana keterangan beliau ialah dengan pemberhentian terkejut dalam ujian ke hadapan sudah ada pergerakan dua inci. Mahkamah boleh mengambil perhatian bahawa dengan menggunakan tali pinggang keledar statik seperti yang digunakan dalam kereta pihak ketiga, tentu sekali pergerakannya lebih apabila kereta berkenaan terbalik dan berat badan penumpang akan menambahkan takat pergerakan. “Pakar” seperti DW1 tidak dapat menolong Mahkamah dari aspek ini tetapi saya berpendapat sama ada seseorang itu memakai tali pinggang keledar bukanlah jaminan kepala beliau tidak akan terkena bumbung kereta jika kereta itu terbalik. Pendapat ini dikuatkan dengan pengiktirafan kehakiman bahawa semua pemandu kereta berlumba diisyaratkan memakai tali pinggang keledar “harness” dan juga topi keledar dan bukan sahaja tali pinggang keledar statik. Tentu sekali tujuannya ialah untuk mengelakkan apa-apa pergerakan langsung dari

segi pemandu semasa kereta berlumba itu terlibat dalam apa-apa kemalangan. Lagipun, keempat-empat penumpang yang lain dalam kereta yang sama tidak terluka di kepala sungguhpun mereka tidak langsung memakai tali pinggang keledar.

Keterangan DW2 juga tidak dapat membantu Mahkamah oleh kerana ianya hanya mengenai pembuatan tali pinggang keledar oleh Brimal Holdings mengikut kehendak SIRIM. DW3 pula telah bekerja di Brimal Holdings hanya selama tujuh bulan sebelum memberi keterangan dan keterangannya mengenai ujian tali pinggang keledar yang hampir serupa dengan keterangan DW1 tidak dapat menolong Mahkamah. Lagipun, andai kata keterangan ketiga-tiga saksi "pakar" ini dapat membantu Mahkamah dalam mengetahui apa yang akan berlaku jika kenderaan orang yang memakai tali pinggang keledar terbalik iaitu kepala beliau tidak akan terkena bumbung kereta seperti orang yang tidak memakai tali pinggang keledar, ini juga tidak dapat memberi apa-apa erti oleh kerana pendapat saya memang plaintif kedua sedang memakai tali pinggang keledar semasa kemalangan berlaku dan undang-undang menyatakan beliau sebagai penumpang sahaja berhak mendapat gantirugi seratus peratus dari mana-mana pemandu yang didapati bertanggungjawab. Menyusul dari itu, sama ada plaintiff kedua memberi keterangan atau tidak tidaklah menjadi perlu kerana keterangan pihak ketiga yang beliau memakai tali pinggang keledar tidak dapat dipatahkan oleh pihak defendan. Peguam plaintif juga telah menjemput peguam defendan memanggil plaintif kedua jika didapati perlu tetapi tawaran ini telah tidak diterima oleh peguam defendan. Oleh itu, ini tidaklah boleh menjadi bahan hujah-hujah peguam defendan sekarang oleh kerana beliau sendiri telah melepaskan peluang untuk memanggil plaintif kedua memberi keterangan.

Mungkin penting di ketika ini untuk menyentuh tentang kematian plaintif pertama pada 4 Februari 1990. Sebagaimana kedudukan plaintif kedua, beliau juga berhak mendapat kerugian yang dituntutnya tidak kira sama ada pemandu kereta (pihak ketiga) atau pemandu van (defendan) didapati bertanggungjawab untuk kemalangan itu. Dalam hujah-hujahnya peguam yang arif bagi pihak defendan telah menyarankan bahawa oleh kerana plaintif pertama telah meninggal dunia pada tarikh keputusan dan tanpa apa-apa permohonan untuk menggantikan tempatnya dengan nama pentadbir pesakanya, maka tuntutannya dianggap terbatal.

Peguam yang bijaksana bagi pihak kedua-dua plaintif dan pihak ketiga telah membuat hujah bahawa sebenarnya plaintif pertama masih hidup semasa kes dimulakan perbicaraannya pada 25 April 1989. Kes telah ditetapkan untuk sambungan bicara pada 1 Julai 1989 tetapi Mahkamah tidak dapat mendengarnya pada tarikh tersebut. Pada tarikh sambungan bicara pada 5 September 1989 pula, peguam defendan telah meminta penangguhan oleh kerana saksi-saksi defendan tidak dapat hadir. Seterusnya untuk tarikh sambungan bicara pada 18 Januari 1990 dan 15 Februari 1990 pula, peguam defendan telah meminta penangguhan oleh kerana beliau terlibat dalam kes lain di Mahkamah yang lain.

Peguam plaintif-plaintif dan pihak ketiga telah dapat tahu tentang kematian plaintif pertama hanya pada 7 Mac 1990 dan oleh kerana kes telah ditetapkan untuk sambung bicara pada 22 dan 23 Mac 1990, kedua-dua peguam telah bersetuju, kerana hendak mengelakkan kes ditunda lagi, permohonan untuk menggantikan plaintif pertama dibuat kemudian. Permohonan telahpun dibuat pada 16 April 1990 dan pada tarikh keputusan sebelum keputusan dibuat, Mahkamah telah membenarkan permohonan tersebut setelah mengambil kira fakta bahawa plaintif pertama masih hidup apabila kes dimulakan, bahawa tarikh sambungan bicara telah ditetapkan beberapa kali, bahawa kuantum yang melibatkan plaintif pertama telah dipersetujui sepenuhnya di awal perbicaraan dan bahawa peguam defendan tidak membuat apa-apa bantahan semasa permohonan didengar.

Sekarang saya akan bincangkan mengenai soal gantirugi khas tuntutan plaintif kedua bagi butiran-butiran 4, 8 dan 9. Sungguhpun plaintif kedua tidak memberi keterangan disebabkan keadaan fizikalnya, pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri (PW2) telah memberi penerangan bahawa pendapatan plaintif kedua ialah "tiada" untuk tahun-tahun 1977 dan 1978, RM1,870 untuk tahun 1979, RM4,920 untuk tahun 1980, RM5,752 untuk tahun 1981, RM8,611 untuk tahun 1982 dan RM7,900 untuk tahun 1983. Oleh kerana tarikh kemalangan ialah 4 April 1984, sesuailah jika pendapatan tahun 1983 diambilkira di mana jumlahnya ialah RM658 sebulan. Untuk memudahkan pengiraan, saya telah membuat award RM600 sebulan. Tempoh masa sebelum bicara dari 4 April 1984 kepada 5 Mei 1990 ialah 73 bulan dan dengan itu saya berpendapat adalah wajar plaintif kedua diberi RM660 x 73 iaitu RM48,180 untuk butiran 4.

Mengenai butiran-butiran 8 dan 9, jumlah yang dituntut telah dipersetujui sebanyak RM250 dan RM110 masing-masing. Oleh kerana tempoh masa sebulan sebelum bicara telah ditetapkan sebagai 73 bulan untuk butiran 4, mahkamah membuat award RM250 x 73 iaitu RM18,250 untuk butiran 8 dan RM110 x 73 iaitu RM8,030 untuk butiran 9.

Tentang soal gantirugi am plaintif kedua pula, beliau berumur 39 tahun di tarikh bicara dan pengiraan berkali ialah 11 jika diambil dua di atas tiga jumlah perbezaan umur 39 dan 55 tahun. Dengan demikian, award bagi kehilangan pendapatan masa hadapan atas dasar RM660 sebulan ialah lebih kurang RM65,000 mengikut rajah anuiti yang memang digunakan untuk kemalangan-kemalangan yang berlaku sebelum tarikh pindaan Akta Undang-undang Sivil 1956 pada 1 Oktober 1984. Di sini saya telah membuat kesilapan dalam membuat award RM57,000 sahaja semasa merujuk kepada rajah anuiti dan mungkin ini boleh diperbetulkan oleh Mahkamah Agung semasa rayuan didengar. Bagi kos penjagaan rawatan masa hadapan, atas dasar RM250 sebulan, jumlahnya ialah RM24,919 sen mengikut rajah anuiti dan saya telah membuat award RM24,900. Bagi kerugian bulanan masa hadapan untuk keperluan bilik air, ubat-ubat dan penyenggaraan kerusi roda, atas dasar RM110 sebulan mengikut rajah anuiti, amaunnya ialah RM10,964.47 sen dan saya telah membuat award RM10,900.

Yang tinggal sekarang ialah gantirugi am untuk kesakitan dan kesengsaraan dan kehilangan ameniti bagi plaintif kedua. Pendapat bertulis pakar orthopedik (PW4) mengenai plaintif kedua dinyatakan di sini untuk kemudahan rujukan:

1. Mr. Wong Sin Loy sustained a fracture subluxation of his cervical spine at the C5 and C6 level following his accident.
2. It had resulted in immediate injury to his spinal cord with cord transection leading to paralysis from C6 dermatone downwards.
3. This has led to loss of sensation below that level with paralysis of motor function in the upper and lower limbs.
4. The paralysis in the upper limbs is incomplete but due to the severe involvement of both hands, the remaining muscle movements proximally at the shoulders and partially at the elbows do not serve any useful purpose. He is unable to use his hands to grasp objects and is unable to clothe or feed himself. He is unable to write or to propel his wheelchair.
5. He is completely paralysed in the lower limbs with complete loss of sensation and motor power. He will be confined to the wheelchair for the rest of his life.
6. Due to paralysis of his bowels, he experiences constipation. Careful attention to diet is necessary to minimise this.

7. Paralysis of the bladder leads to inability to control the discharge of urine. He requires a urine receptable permanently in order to avoid soiling himself. Due to bladder paralysis, he is prone to recurrent urinary tract infection. Proximal spread of infection to involve the kidneys can lead to life threatening consequences of septicemia and renal failure. Sexual function is also lost.

8. Due to the loss of sensation in most parts of the body, he is prone to the development of pressure sores. This is likely to be recurrent in nature and predisposes him to sepsis and chronic ill health. With the paralysis of the upper limbs as well, he is unable to participate in pressure relieving exercises that can minimise the risk of trophic ulcerations.

9. It is likely that there will be no further recovery of the neurological status. He requires constant nursing care and regular medical attention for the rest of his life.

10. The psychological distress he experience is likely to be severe in view of his disability and he is likely to be given to recurrent attacks of severe depression.

Jelaslah daripada kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua, beliau jatuh di bawah kecederaan "quadriplegia" dan saya telahpun membincangkan mengenai autoriti-autoriti untuk kecederaan ini dalam *Siti Rahmah binti Ibrahim lwn. Marappan a/l Nallan Koundar & Anor*. [1989] 2 CLJ (Rep) 481 di mana saya telah membuat award RM180,000 yang telahpun dipersetujui oleh Mahkamah Agung dalam *Marappan & Anor. lwn Siti Rahmah binti Ibrahim* [1990] 1 CLJ (Rep) 174. Dalam kes ini juga, saya berpendapat award yang sesuai dan yang patut diberi ialah RM180,000 untuk kesakitan dan kesengsaraan dan kehilangan ameniti dan telah membuat award tersebut.

Akhir sekali, saya telah memberi faedah 8% atas gantirugi am, melainkan untuk kehilangan akan datang, dari tarikh penyerahan writ hingga ke tarikh penghakiman dan faedah 4% atas gantirugi khas dari tarikh pelanggaran hingga ke tarikh penghakiman. Kos hendaklah ditaksirkan sewajarnya.

Also found at [1990] 2 CLJ 382